



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
BAHAGIAN BIASISWA
SCHOLARSHIP DIVISION
PARAS 6, BLOK E (UTARA)
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon: 03-2532833
Telephone:
Kawat: "PENDIDIKAN"
Fax : 03-2532839

Ruj. Kami: KP(BB)01/434/1
Our Ref: Jilid.4/(35)

Ruj. Tuan:
Your Ref:

Tarikh :
Date: 14 Februari 1995

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Latihan
Aras 2 Blok B Kompleks JPA
Jalan Tun Ismail
50510 KUALA LUMPUR.

Tuan,

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988 - Pemindahan Kontrak Pemegang-pemegang Basiswa/Dermasiswa Persekutuan/Hadiah Latihan Persekutuan

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988 telah menimbulkan masalah kepada Kementerian ini. Ini adalah kerana ianya menggalakkan khususnya pemegang-pemegang Basiswa Kementerian Pendidikan/Pegawai Perkhidmatan Pendidikan mengambil tindakan meletak jawatan sewenang-wenangnya untuk memasuki perkhidmatan/berkhidmat dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Tindakan seperti ini memberi kesan kepada matlamat dan perancangan Kementerian ini untuk menyediakan tenaga guru yang terlatih secukupnya di seluruh negara. Tambahan pula sejak tahun-tahun kebelakangan ini Kementerian Pendidikan menghadapi masalah kekurangan guru yang agak ketara, dan jika Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut terus dilaksanakan ianya sudah pasti menimbulkan masalah yang besar kepada Kementerian ini.

3. Sehubungan dengan itu Kementerian ini telah membuat keputusan tidak akan menerimapakai Surat Pekeliling Perkhidmatan berkenaan kepada pemegang-pemegang biasiswa Kementerian ini. Berkaitan dengan ini juga, Kementerian ini memohon supaya pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut dikaji semula dengan mengambilkira masalah yang dihadapi oleh Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL HADI B. ISMAIL)
Bahagian Biasiswa
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan dan Kerjaya
Jabatan Perkhidmatan Awam
Blok B Kompleks JPA
Jalan Tun Ismail
50510 KUALA LUMPUR.